



KENYATAAN MEDIA

**YB DATUK SERI DR HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR**

**BERHUBUNG INSIDEN PENCEMARAN AIR SUNGAI
BERWARNA BIRU DI SUNGAI SIMIN, NEGERI SEMBILAN
PADA 22 JANUARI 2018**

26 JANUARI 2018

Saya memandang serius kejadian pencemaran air sungai yang bertukar berwarna biru di kawasan berhampiran Taman Tunku Jaafar, Senawang, Negeri Sembilan pada 22 Januari 2018 yang lalu.

Berdasarkan laporan yang saya terima dan pemeriksaan yang dijalankan oleh pasukan penguatkuasa Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan, mendapati bahawa aduan tersebut adalah berasas di mana Sungai Simin telah dicemari dengan air yang berwarna biru yang dianggarkan sejauh 8 km. Pencemaran ini dikenalpasti berpunca daripada premis yang menjalankan aktiviti kitar semula barang lusuh dan plastik di kawasan Perindustrian Ringan Sri Senawang.

Premis tersebut dikatakan telah beroperasi selama 15 tahun dan memiliki lesen perniagaan bagi barang lusuh dan plastik daripada Majlis Perbandaran Nilai (MPN).

Persampelan telah dilakukan oleh JAS Negeri Sembilan dan dihantar ke Jabatan Kimia untuk analisa lanjut. Siasatan susulan pada 23 Januari 2018, mendapati bahawa semua bahan yang menjadi punca pencemaran tersebut telah dikumpul di dalam premis dan keadaan adalah terkawal.

Saya telah mengarahkan pihak JAS Negeri Sembilan melalui Notis di bawah Seksyen 31 Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 untuk memastikan permis berkenaan menghentikan operasi serta merta. Saya juga ingin tegaskan bahawa permis tersebut tidak boleh mengadakan sebarang aktiviti sehingga proses pembersihan Sungai Simin dan kawasan yang tercemar kembali bersih seperti sediakala.

Ingin saya tegaskan kembali bahawa NRE melalui JAS akan mengambil tindakan mahkamah kepada mana-mana pihak persorangan atau syarikat yang didapati melakukan kesalahan mencemarkan alam sekitar mengikut peruntukan berkaitan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Pengarah-Pengarah Negeri JAS di seluruh negara juga telah diarahkan agar dapat meningkatkan lagi aktiviti penguatkuasaan bagi memastikan kejadian seumpama ini tidak berulang lagi demi kesejahteraan rakyat di luar sana.

Terima kasih.